# PINJAMAN PERIBADI UOB
# TERMA DAN SYARAT

Berkuat kuasa 01 Januari 2026.

Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi UOB (“Terma dan Syarat”) ini akan mentadbir Pinjaman Pribadi UOB (“Pinjaman”) yang kami sediakan kepada anda. Dengan memohon Pinjaman, anda bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang pindaan yang dilakukan dari semasa ke semasa. Anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima setiap terma dalam Terma dan Syarat ini.

## TERMA DAN SYARAT AM

1. Untuk memohon Pinjaman, anda mesti melengkapkan dan menghantar Borang Permohonan kepada kami dan anda mesti berumur 21 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan. Anda bersetuju bahawa kami berhak untuk tidak meluluskan sebarang permohonan untuk Pinjaman dan tidak berada di bawah sebarang kewajipan untuk memberikan apa-apa penjelasan atau sebab atau notis terlebih dahulu kepada anda jika permohonan anda ditolak atau tidak diluluskan.

2. Jumlah dan tempoh Pinjaman adalah jumlah dan tempoh yang diluluskan oleh kami, tetapi yang tidak akan melebihi jumlah dan tempoh yang dipohon oleh anda. Anda bersetuju untuk menerima jumlah dan tempoh Pinjaman sedemikian yang diluluskan oleh kami.

3. Tujuan Pinjaman adalah terhad kepada penggunaan peribadi atau perniagaan.

4. Kami akan mengeluarkan Surat Kelulusan kepada anda setelah Pinjaman diluluskan. Kandungan Surat Kelulusan akan membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat ini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kandungan Surat Kelulusan dan Terma dan Syarat ini, kandungan Surat Kelulusan akan digunakan.

5. Kami kemudiannya akan mewujudkan akaun pinjaman peribadi (“Akaun”) atas nama anda.

6. Kami akan menolak duti setem dan sebarang fi dan caj lain yang dikenakan atau ditanggung oleh kami pada bila-bila masa, termasuk fi Giro Antara Bank (“IBG”) dari Pinjaman sebelum mengkreditkan baki ke dalam Akaun yang Dinamakan. Pada masa yang sama, Pinjaman akan didebitkan daripada Akaun anda. Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua jumlah yang dikeluarkan oleh kami ke dalam Akaun yang Dinamakan anda.

7. Akaun yang Dinamakan mestilah akaun peribadi anda, yang dipegang oleh anda sendiri.

8. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang caj, kerugian, ganti rugi atau liabiliti dalam apa-apa bentuk yang mungkin dialami oleh anda akibat daripada:
   a) apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh kami dalam meluluskan sebarang permohonan atau menghantar Pinjaman ke Akaun yang Dinamakan anda atau membatalkan Pinjaman; atau
   b) apa-apa pengkreditan ke dalam Akaun yang Dinamakan akibat daripada butiran tidak tepat mengenai Akaun yang Dinamakan anda yang diberikan oleh anda kepada kami.

9. Anda mesti membayar balik Pinjaman melalui ansuran bulanan untuk jumlah prinsipal dan faedah sepanjang tempoh tersebut, atau sehingga Pinjaman dan semua faedah dan wang lain yang perlu dibayar di bawah Pinjaman telah dibayar balik sepenuhnya.



## RESTRICTED ##

10. Jumlah ansuran bulanan dan permulaan bayaran ansuran bulanan akan dinyatakan dalam Surat Kelulusan. Kami boleh mengubah jumlah ansuran bulanan dan tempoh pada bila-bila masa dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.
11. Ansuran bulanan perlu dibayar walaupun jika anda tidak mengeluarkan atau menggunakan mana-mana Pinjaman yang dikreditkan atau dihantar ke dalam Akaun yang Dinamakan anda.

12. Anda boleh melakukan pembayaran dengan apa-apa cara berikut atau apa-apa cara lain seperti yang kami luluskan dari semasa ke semasa: -
    a) di mana-mana mesin deposit tunai kami;
    b) di mana-mana mesin deposit cek kami;
    c) melalui IBG;
    d) melalui perkhidmatan Perbankan Internet Peribadi atau aplikasi mudah alih UOB Mighty kami; e) di mana-mana cawangan kami;
    f) dengan menghantar cek atau draf bank ke alamat yang dinyatakan dalam slip pembayaran pinjaman;
    g) melalui arahan tetap daripada salah satu akaun anda dengan kami.

13. Pembayaran anda tidak akan dianggap telah dibayarkan sehingga kami menerima dana tersebut dengan sewajarnya. Sebarang pembayaran yang diterima daripada anda berkenaan dengan Pinjaman akan dikreditkan ke dalam Akaun.

## CARIAN

1. Kami boleh, tetapi tidak diwajibkan untuk menjalankan carian kebankrapan / penggulungan / pencarian insolvensi atau carian berkaitan kredit daripada mana-mana agensi rujukan kredit, pangkalan data atau sistem ke atas anda sebelum dan pada bila-bila masa selepas Pinjaman diluluskan.

2. Anda membenarkan kami untuk menjalankan carian sedemikian ke atas anda setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

3. Semua caj yang ditanggung dan akan ditanggung berhubung dengan carian kebankrapan / penggulungan / pencarian insolvensi akan ditanggung dan dibayar oleh anda

## CAJ FAEDAH

1. Faedah ke atas Pinjaman akan dikenakan pada kadar yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan ("Kadar yang Ditetapkan") dari tarikh kami mengeluarkan wang seperti yang ditunjukkan dalam sistem dan rekod kami.

2. Kadar faedah seperti berikut (atau apa-apa kadar lain yang kami mungkin kenakan pada bila-bila masa) yang akan dikira atas baki harian ("Kadar Faedah Kemungkiran"), akan dikenakan ke atas jumlah wang yang tertunggak dan perlu dibayar kepada kami, termasuk faedah, fi, komisen dan caj yang tidak dibayar apabila perlu dibayar. Pemohon bersetuju dengan kadar faedah kemungkiran Bank (caj pembayaran lewat) iaitu pada kadar satu peratus setahun (1% setahun) atau kadar lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa ke atas ansuran tertunggak.

3. Kadar Faedah Berkesan dikira seperti berikut:

$$\text{Kadar Faedah Berkesan} = \frac{2NF\ (300C + NF)}{2N^2F + 300C\ (N+1)}$$

Di mana:
N = Jumlah bilangan ansuran dalam tempoh tersebut



## RESTRICTED ##

C = Bilangan ansuran yang akan dibayar dalam satu tahun
F ditentukan oleh formula berikut: -

$$F = \frac{100C \times T}{N \times A}$$

Di mana:
C = Sama seperti di atas
T = Jumlah faedah yang perlu dibayar ke atas Pinjaman di bawah tempoh tersebut
N = Jumlah bilangan ansuran dalam tempoh tersebut
A = Jumlah pinjaman

4. Kadar Faedah Kemungkiran akan dikenakan dari tarikh kemungkiran hingga tarikh pembayaran penuh, selepas dan sebelum sebarang tuntutan atau penghakiman, dan walaupun jika hubungan bank dan pelanggan mungkin telah berakhir.

5. Sekiranya sesuatu Peristiwa Kemungkiran berlaku, kadar faedah yang digunakan (atau apa-apa kadar lain yang kami mungkin kenakan pada bila-bila masa) yang kami akan mengenakan caj ke atas Baki Tertunggak yang Baru Diselaraskan (seperti yang ditafsirkan dalam klausa di bawah) adalah seperti berikut, dikira pada dasar baki harian ("Kadar Faedah Kemungkiran"): -

   1% setahun ke atas Baki Tertunggak yang Baru Diselaraskan tolak sebarang bayaran yang dilakukan oleh anda untuk menyelesaikan Pinjaman selepas sesuatu Peristiwa Kemungkiran berlaku.

6. Jumlah faedah yang dikenakan menurut klausa 3.5 akan dikompaun pada akhir setiap bulan ("Faedah Kompaun") dan Faedah Kompaun sedemikian akan dimasukkan dalam pengiraan Baki Tertunggak yang Baru Diselaraskan untuk bulan berikutnya.

7. Baki Tertunggak yang Baru Diselaraskan adalah jumlah untuk yang berikut:-
   a) Pinjaman tolak ansuran bulanan sebelumnya (tidak termasuk caj dan faedah);
   b) Wang tertunggak dan perlu dibayar kepada kami di bawah Akaun termasuk ansuran bulanan, faedah, fi, komisen dan caj tertunggak yang belum dibayar apabila perlu dibayar pada tarikh berlakunya Peristiwa Kemungkiran;

8. Kadar Faedah Kemungkiran akan dikenakan dari tarikh Peristiwa Kemungkiran berlaku hingga tarikh pembayaran penuh, selepas dan sebelum sebarang tuntutan atau penghakiman, dan walaupun jika hubungan bank dan pelanggan mungkin telah berakhir. Ini tidak menjejaskan hak kami untuk meminta pembayaran wang yang perlu dibayar.

9. Kami boleh menukar sebarang kadar faedah dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.

## CUKAI, DUTI DAN LEVI

1. Anda bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang, pada tarikh permohonan Pinjaman atau pada apa-apa tarikh selepas tarikh permohonan Pinjaman, diperlukan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang sedemikian (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan kepada sebarang undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) untuk dibayar kepada mana-mana pihak atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berhubung dengan apa-apa wang yang dibayar atau ditanggung oleh kami atau perkhidmatan yang disediakan berhubung dengan Pinjaman, semasa penerusan Pinjaman selagi Pinjaman atau mana-mana bahagiannya tetap tertunggak dan belum dibayar.



## RESTRICTED ##

2. Sebarang cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Pinjaman dan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Pinjaman akan ditanggung dan dikenakan kepada anda dan jika kami melakukan sebarang pembayaran, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami jumlah sedemikian yang telah dibayar.

## BAYARAN TERDAHULU/ PEMBATALAN

Anda tidak boleh melakukan bayaran terdahulu atau membatalkan Pinjaman tanpa kebenaran kami.

## PENYELESAIAN AWAL

1. Anda boleh menyelesaikan Pinjaman sepenuhnya sebelum akhir tempoh dengan memberikan notis bertulis satu bulan kepada kami (atau tempoh notis lain sedemikian yang kami mungkin tentukan dan maklumkan kepada anda pada bila-bila masa), atau dengan membayar faedah untuk tempoh notis sebagai ganti kepada notis.

2. Jumlah keseluruhan yang anda mesti bayar kepada kami sewaktu penyelesaian awal Pinjaman adalah jumlah berikut:
   (a) Baki yang masih belum dibayar di bawah tempoh asal dan ansuran;
   (b) Apa-apa jumlah lain yang terhutang dan perlu dibayar kepada kami di bawah Pinjaman atau sebaliknya, tolak rebat untuk penyelesaian awal ("Rebat"). Rebat dikira seperti berikut (atau berdasarkan formula lain yang kami mungkin tentukan pada bila-bila masa):

$$\text{Rebate} = \frac{C\text{\^{}}r(r+1)}{t\,(t+1)}$$

Di mana:
C = Faedah yang perlu dibayar untuk keseluruhan tempoh
r = Jumlah baki ansuran bulanan bagi tempoh
t = Tempoh keseluruhan dalam bulan

## PERWAKILAN DAN JAMINAN

**1. <u>Perwakilan dan Jaminan Am</u>**

Penerimaan permohonan anda oleh kami bagi permohonan Pinjaman adalah bergantung kepada perwakilan dan jaminan berikut yang dilakukan oleh anda, di mana kesemuanya mesti dipatuhi dalam semua hal penting sepanjang tempoh Pinjaman:-
   (a) tidak ada tindakan undang-undang (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau prosiding pentadbiran yang belum selesai, masih berterusan atau akan dikemukakan terhadap anda;
   (b) tidak ada Peristiwa Kemungkiran yang telah berlaku atau masih berterusan atau akan berlaku akibat penyediaan Pinjaman ini kepada anda;
   (c) semua maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami berhubung dengan Pinjaman tidak mengandungi apa-apa kenyataan yang tidak benar atau mengelirukan atau yang meninggalkan sebarang fakta dan bahawa semua ungkapan mengenai jangkaan, tujuan, kepercayaan dan pendapat serta semua unjuran yang terkandung dalam maklumat sedemikian telah dilakukan secara jujur atas alasan yang munasabah selepas siasatan yang wajar dan teliti;
   (d) anda tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang dan semua wang yang dibayar kepada kami tidak diperoleh dalam apa-apa cara sekalipun daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang;
   (e) anda bukan:-



## RESTRICTED ##

i. seorang rakyat atau pemastautin mana-mana negara yang tertakluk kepada Sekatan; atau

ii. seorang individu yang disenaraikan dalam atau dimiliki atau dikawal (secara langsung atau tidak langsung) oleh mana-mana individu yang disenaraikan dalam sebarang senarai individu tidak dibenarkan yang diterbitkan oleh mana-mana kerajaan, institusi atau agensi kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa atau yang disediakan oleh Kumpulan.

Anda bersetuju bahawa setiap perwakilan dan jaminan di atas akan terus benar dan betul dalam semua aspek dengan dengan merujuk kepada keadaan semasa selagi Pinjaman atau mana-mana bahagiannya masih tertunggak dan belum dibayar.

## 2. Perwakilan dan Jaminan Jenayah Kewangan

Kami berhak untuk mengambil semua tindakan yang kami anggap sesuai bagi memenuhi sebarang kewajipan atau syarat, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, berhubung dengan pengesanan, penyiasatan dan pencegahan jenayah kewangan termasuk penipuan, pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, sogokan, atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan ("Jenayah Kewangan").

Anda memahami dan bersetuju bahawa jika apa-apa aktiviti, kelakuan atau keadaan yang melibatkan anda (secara langsung atau tidak langsung) boleh mendedahkan kami kepada risiko undang-undang atau reputasi, atau tindakan pengawalseliaan atau penguatkuasaan yang sebenar atau berpotensi, kami akan pada bila-bila masa, tanpa memberikan apa-apa sebab, berhak untuk melakukan yang berikut dengan serta-merta:-

a) melaksanakan semua hak kami seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8: Peristiwa Kemungkiran;
b) menutup semua akaun dan menamatkan semua perkhidmatan yang anda ada dengan kami; dan
c) membuat laporan dan mengambil tindakan lain yang kami mungkin anggap sesuai.

Anda berjanji bahawa anda tidak akan memulakan, melibatkan diri atau menjalankan transaksi (secara langsung atau tidak langsung) yang mungkin melibatkan Jenayah Kewangan dan bersetuju untuk tidak menyalahkan kami, melindungi kami dan kekal melindungi kami daripada dan terhadap sebarang dan semua liabiliti, tuntutan, tanggungjawab, kerugian, ganti rugi, denda, tindakan, penghakiman, saman, kos (termasuk, tetapi tidak terhad kepada kos undang-undang atas dasar indemniti penuh), perbelanjaan dan pembayaran dalam apa-apa bentuk sekalipun yang mungkin dialami atau ditanggung oleh kami yang berhubung dengan atau timbul daripada sebarang pelanggaran perjanjian ini oleh anda.

Anda mewakili dan menjamin bahawa anda dan/atau mana-mana Pihak Bersekutu, atau pada pengetahuan anda tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan atau tidak mengambil apa-apa tindakan, secara langsung atau tidak langsung, yang akan melanggar sebarang undang-undang antirasuah dan antipenyelewengan yang digunakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("SPRM"), *United Kingdom Bribery Act 2010 ("UK Bribery Act")* dan *U.S. Foreign Corrupt Practices Act of 1977* ("FCPA"). Anda selanjutnya mewakili dan menjamin bahawa anda, pada pengetahuan anda, akan mematuhi SPRM, *UK Bribery Ac*t, FCPA serta undang-undang, peraturan atau pengawalan yang sama.

## 3. Permintaan Maklumat

Anda mesti menyediakan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh masa yang kami tetapkan, sebarang maklumat yang kami anggap perlu untuk:-

a) mematuhi undang-undang atau Sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan);



## RESTRICTED ##

b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko ekonomi dan sekatan perdagangan; dan/atau
c) melakukan dan berpuas hati dengan keputusan "Kenali pelanggan anda" yang diperlukan atau prosedur sama yang lain di bawah Undang-undang yang Digunakan.

Sementara kami menunggu maklumat daripada anda dan sehingga kami mengesahkan maklumat tersebut pada kepuasan kami, kami tidak diwajibkan untuk meneruskan sebarang transaksi atau pembayaran.

Anda mengakui dan berjanji kepada kami bahawa pemprosesan mana-mana transaksi tidak akan melanggar sebarang undang-undang atau Sekatan di Malaysia atau mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang timbul daripada apa-apa kelewatan atau kegagalan memproses mana-mana transaksi disebabkan oleh maklumat dan dokumentasi tidak mencukupi yang diberikan oleh anda.

## PERISTIWA KEMUNGKIRAN

1. Jika mana-mana peristiwa yang disenaraikan dalam Klausa 8.2 (setiap satunya "Peristiwa Kemungkiran") berlaku:-
    a) kami tidak mempunyai sebarang tanggungjawab dan/atau komitmen kepada anda berhubung dengan Pinjaman;
    b) semua wang dan faedah yang terhutang kepada kami di bawah Pinjaman pada masa itu dan apa-apa wang lain yang terhutang kepada kami oleh anda perlu dibayar kepada kami dengan serta-merta apabila dituntut; dan
    c) kami berhak untuk mendapatkan kembali semua wang dan faedah yang terhutang kepada kami dengan faedah pada Kadar Faedah Kemungkiran atau pada apa-apa kadar dan/atau pada baki berkala lain yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa; dan
    d) kami berhak melaksanakan sebarang hak dan kuasa:-
        i. yang kami mungkin miliki apabila berlakunya sesuatu Peristiwa Kemungkiran berdasarkan Terma dan Syarat ini; dan
        ii. yang mungkin tersedia kepada kami dari segi undang-undang.

2. Berikut adalah Peristiwa Kemungkiran:-
    a) jika anda gagal membayar apa-apa wang yang anda sepatutnya bayar kepada kami pada tarikh akhir;
    b) jika anda gagal mengikut, melaksanakan dan mematuhi Terma dan Syarat ini, Surat Kelulusan, Borang Permohonan, atau sebarang notis;
    c) jika sebarang perwakilan, jaminan atau perjanjian yang dilakukan oleh anda kepada kami telah atau akan menjadi tidak betul atau mengelirukan dari segi material;
    d) jika anda meninggal dunia atau menjadi tidak waras;
    e) jika anda menjadi bankrap atau tak mampu bayar atau membenarkan apa-apa penghakiman untuk diteruskan selama tempoh dua puluh satu (21) hari;
    f) jika anda melakukan apa-apa tindakan kebankrapan atau tidak dapat membayar hutang anda, atau menggantung pembayaran hutang anda, atau memasuki apa-apa gabungan atau pengaturan dengan atau bagi manfaat pemiutang anda;
    g) jika sesuatu petisyen dikemukakan terhadap anda untuk kebankrapan;
    h) jika pelaksanaan atau apa-apa bentuk tindakan pemulihan atau penguatkuasaan dikenakan atau diambil terhadap mana-mana aset anda;
    i) jika anda berhenti atau ingin berhenti menjalankan perniagaan anda;
    j) jika anda menukar atau bertujuan untuk menukar sifat atau skop perniagaan anda seperti yang sedang dijalankan;
    k) jika anda memindahkan atau melupuskan atau bercadang untuk memindahkan atau melupuskan sebahagian besar aset anda;
    l) jika pada pendapat kami, terdapat perubahan atau perubahan yang mungkin berlaku dalam keadaan yang akan menjejaskan dan memburukkan keadaan perniagaan atau kewangan anda



## RESTRICTED ##

secara ketara, keupayaan anda untuk melaksanakan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini, Surat Kelulusan dan Borang Permohonan;

m) jika sesuatu notis atau cadangan untuk pengambilan paksa mana-mana hartanah anda dikeluarkan atau dilakukan di bawah sebarang undang-undang;

n) jika anda disenarai hitam menurut garis panduan Sistem Maklumat Cek Tidak Laku (DCHEQS) atau mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;

o) jika anda gagal melaksanakan sebarang kewajipan atau liabiliti kepada kami atau kepada manamana individu lain;

p) jika anda melakukan kemungkiran untuk apa-apa pinjaman, kemudahan atau pengaturan yang sama dengan mana-mana pihak (termasuk kami) yang memberi hak kepada pemiutang berkenaan (termasuk kami) untuk menuntut pembayaran balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut sebelum tarikh matangnya, untuk menarik balik pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut, atau untuk menguatkuasakan jaminan bagi pinjaman, kemudahan atau pengaturan tersebut;

q) jika terdapat kemungkiran dalam pembayaran apa-apa wang di bawah akaun mana-mana individu lain yang diberikan jaminan oleh anda;

r) jika terdapat sebarang tindakan undang-undang (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau prosiding pentadbiran yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;

s) penilaian kredit anda seperti yang ditentukan oleh kami telah merosot;

t) jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Pinjaman atau manamana bahagian daripadanya digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;

u) jika terdapat apa-apa penyiasatan oleh pihak polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda;

v) jika anda didakwa atau disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau mempunyai sebarang rekod jenayah;

w) jika terdapat apa-apa laporan yang diambil terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;

x) mana-mana akaun anda ditetapkan semula atau ditutup oleh kami atas apa-apa sebab di bawah sebarang undang-undang;

y) jika kami memutuskan bahawa penerusan Pinjaman mungkin boleh menjejaskan kedudukan kami sendiri atau sebaliknya tidak wajar dan keputusan kami adalah muktamad.

3. Anda tidak boleh menggunakan Pinjaman dan/atau Akaun untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mensyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana bahagian Pinjaman telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, kami boleh mengambil sebarang tindakan yang dianggap sesuai bagi membolehkan kami memenuhi sebarang kewajipan atau syarat di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung dengan pencegahan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti pengganas, rasuah, sogokan atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami boleh ambil termasuk menutup Akaun dengan serta-merta, membatalkan Pinjaman, membuat laporan dan mengambil tindakan sedemikian yang kami anggap sesuai.

## NOTIS

1. Anda mesti mengekalkan alamat surat-menyurat tempatan yang tetap di Malaysia.

2. Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi (selain Proses Undang-undang) yang kami hantar kepada anda mungkin:-



## RESTRICTED ##

a) dihantar dengan tangan ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau alamat terakhir lain sedemikian yang diketahui kami;
b) dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang diketahui kami;
c) dihantar melalui pos (berdaftar, berdaftar Akuan Terima, biasa atau sebaliknya) ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau alamat terakhir lain sedemikian yang diketahui kami;
d) dengan memaparkannya di laman web kami;
e) dihantar melalui transmisi faksimili ke nombor faksimili terakhir yang diketahui kami; atau
f) dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon bimbit terakhir yang diketahui kami;
g) dengan memasukkannya ke dalam mana-mana Penyata Deposit yang kami hantar kepada anda.

3. Notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda:-
    a) pada waktu penghantaran mel elektronik selesai;
    b) pada waktu penghantaran di alamat anda, jika dihantar dengan tangan;
    c) pada Hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar;
    d) pada waktu penghantaran faksimili selesai;
    e) pada waktu penghantaran sistem pesanan ringkas (SMS) selesai;
    f) pada waktu pemaparan di laman web kami;
    g) pada waktu Penyata Akaun dianggap telah diterima oleh anda.

4. Kami juga berhak untuk menyampaikan apa-apa notis berkenaan Pinjaman kepada anda melalui:-
    a) iklan dalam mana-mana satu surat khabar harian dan notis sedemikian akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari iklan tersebut muncul dalam surat akhbar; atau.
    b) memaparkan di mana-mana tempat perniagaan kami, mana-mana cawangan atau premis kami dan notis sedemikian akan dianggap telah disampaikan kepada anda pada hari paparan tersebut.
5. Anda mesti memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan pada alamat, nombor faksimili, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit anda.

6. Jika kami tidak menerima notis bertulis daripada anda mengenai perubahan pada alamat, nombor faksimili, alamat mel elektronik atau nombor telefon bimbit anda, anda bersetuju bahawa kami boleh bergantung pada:-
    a) sebarang alamat dan/atau maklumat hubungan yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau seperti yang dinyatakan dalam rekod kami; atau
    b) sebarang alamat dan/atau maklumat hubungan yang kami peroleh daripada apa-apa komunikasi yang dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami.

7. Apa-apa kegagalan oleh anda untuk memaklumkan kami mengenai perubahan dalam Maklumat anda yang menyebabkan kelewatan atau tiada penghantaran mana-mana Penyata Akaun, surat-menyurat, tuntutan dan/atau notis tidak akan menjejaskan hak atau kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.

## PENDEDAHAN

Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, agen atau mana-mana individu lain yang dibenarkan oleh kami untuk mengakses rekod, surat-menyurat atau apa-apa bahan yang berhubung dengan anda atau Pinjaman anda) boleh mendedahkan pada bila-bila masa, sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda, akaun anda dengan kami serta Pinjaman anda kepada pihak berikut:-

a) mana-mana satu atau lebih dari satu ahli Kumpulan untuk tujuan berikut:-
    i. menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan dan/atau meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami;
    ii. pelaporan atau pemadanan data;
    iii. pencegahan penipuan atau jenayah, serta menyiasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;



## RESTRICTED ##

iv. kutipan hutang atau sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas kami;
v. khidmat sumber luar operasi kami atau mana-mana bahagian operasi kami;
vi. pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai kami atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
vii. memudahkan pelaksanaan tugas kami atau mana-mana fungsi ahli Kumpulan;
viii. pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;
ix. pelaksanaan peraturan korporat.

b) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami bagi tujuan menyediakan, mengemas kini, menyenggarakan dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
c) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh kami berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
e) syarikat kad kredit dan institusi kewangan yang berkaitan dengan pertanyaan kad kredit;
f) bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
g) agensi kerajaan termasuk Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menjalankan semakan kebankrapan, kredit atau pendapatan;
h) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
i) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggarakannya, serta pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh kami;
j) mana-mana penerima yang dilantik oleh kami atau mana-mana pihak lain;
k) mana-mana biro kredit di mana kami adalah ahli, dan mana-mana ahli dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
l) mana-mana agensi penarafan, syarikat insurans atau pembekal insurans atau pembekal perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
m) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab kami di bawah perjanjian perbankan di antara kami dan anda, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana daripada mereka;
n) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran anda dalam atau melalui mesin juruwang automatik bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan lain atau terminal atau mesin atau peranti dikendalikan kad lain yang diluluskan oleh kami, kepada bank, institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima penggunaan kad mesin juruwang automatik dan agen atau kontraktor mereka masing-masing;
o) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
p) mana-mana individu di mana kami, atau mana-mana ahli Kumpulan, dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
q) mana-mana individu yang ingin menyelesaikan sebarang wang yang tertunggak di bawah Pinjaman dan mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pengekalan mana-mana hak-hak kami di bawah Terma dan Syarat ini, Surat Kelulusan dan Borang Permohonan;
r) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
s) mana-mana negara lain, bank pusatnya atau pihak berkuasa penyiasatan berkenaan dengan penipuan cukai rentas sempadan atau pengelakan cukai bagi tujuan pematuhan kepada apa-apa

pertukaran maklumat akaun kewangan secara automatik di bawah mana-mana perjanjian pelbagai hala mengenai bantuan pentadbiran bersama dalam perkara cukai.

## PEMATUHAN PADA PERINTAH MAHKAMAH

Kami dan Kumpulan boleh bertindak dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami dikemukakan dengan suatu perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah daripada sebarang bidang kuasa. Anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan kami.

## PERLINDUNGAN DATA

1. Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang disediakan di cawangan kami serta laman web kami di www.uob.com.my) dan klausa di dalam Terma dan Syarat yang berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda. Untuk mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan melalui rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.

2. Anda membenarkan dan bersetuju bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi (termasuk Data Peribadi mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga) ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja, pengubahan atau pemotongan.

3. Sekiranya anda menyediakan Data Peribadi berhubung dengan mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga kepada kami bagi tujuan pembukaan atau pengendalian akaun atau kemudahan anda dengan kami atau sebaliknya untuk melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda:
   a) mengesahkan dan menjamin bahawa anda telah mendapat persetujuan mereka untuk memproses (termasuk pendedahan dan pemindahan) Data Peribadi mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada kami untuk kami menggunakannya selaras dengan Terma dan Syarat ini;
   b) berjanji bahawa anda telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di laman web kami di www.uob.com.my;
   c) telah memaklumkan Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian:-
   d) bahawa kami mungkin mengumpul atau mengesahkan Data Peribadi mereka dengan sumbersumber pihak ketiga;
   e) bahawa kami boleh mendedahkan Data Peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi kami;
   f) bersetuju untuk memastikan bahawa Data Peribadi Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan, dan dikemaskinikan;
   g) bersetuju untuk mengemas kini secara bertulis kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara kepada Data Peribadi sedemikian; dan
   h) bersetuju kepada hak kami untuk menamatkan Pinjaman jika persetujuan tersebut ditarik balik oleh Subjek Data Pihak Ketiga sedemikian.

4. Di mana anda mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi rentas sempadan tersebut (termasuk data yang berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut, seperti mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan kewajipan sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/atau agen kami untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan di



## RESTRICTED ##

atas bagi pihak anda dan pihak lain (termasuk mana-mana Subjek Data Pihak Ketiga) yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan sedemikian.

5. Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau tanggungjawab) yang dikenakan ke atas Kumpulan, anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, serta pedagang dan rakan strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran yang kami percaya mungkin dapat menarik minat anda atau memanfaatkan anda dari segi kewangan. Walau apa pun yang tersebut di atas, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubung dengan hal ehwal atau akaun anda) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda telah diperoleh terlebih dahulu.

6. Anda boleh memilih untuk tidak menerima atau berhenti menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, UOB Plaza 1 Kuala Lumpur, No. 7 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur' (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh kami dari semasa ke semasa) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada kami.

7. Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web kami mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian akaun dan/atau kemudahan anda dengan kami, dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.

8. Anda dan Subjek Data Pihak Ketiga berhak untuk meminta secara bertulis:
   a) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi yang dipegang atau disimpan oleh kami;
   b) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami yang perlu dikemaskini, dipinda dan/atau diperbetulkan;
   c) untuk kami menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
   d) untuk membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi anda.

   Untuk pertanyaan di bawah (a) atau (b), anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh membuat permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan Membetulkan Data masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami dan juga di laman web kami di www.uob.com.my

   Anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga boleh mengarahkan semua permintaan ke mana-mana cawangan kami atau ke 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, UOB Plaza 1 Kuala Lumpur, No. 7 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur'.

   Kami mungkin mengenakan fi untuk memproses sebarang permintaan untuk mendapat akses. Kami juga mungkin enggan mematuhi sebarang permintaan berkenaan dengan (a) atau (b) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga tidak mencukupi (sebagaimana yang kami tentukan) atau di mana permintaan sedemikian boleh memungkiri atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan pada kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan sedemikian, kami akan memaklumkan anda dan Subjek Data Pihak Ketiga mengenai keengganan dan sebab keengganan kami.

9. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat sedemikian sentiasa dikemaskinikan.

10. Sila dimaklumkan bahawa jika kami tidak lagi berhak untuk memproses Data Peribadi yang diberikan kepada kami oleh anda (termasuk di mana anda anda dan/atau Subjek Data Pihak Ketiga kemudiannya


## RESTRICTED ##

menarik balik kebenaran untuk memproses Data Peribadi), kami mungkin tidak dapat memproses Data Peribadi secara berkesan, atau memprosesnya sama sekali, berhubung dengan sebarang tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Sehubungan itu, kami berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan kepada Data Peribadi sedemikian.

11. Kami berhak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa dan akan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan meletakkan apa-apa pindaan sedemikian di laman web kami atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di kawasan utama di cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang kami anggap sesuai.

12. Klausa ini tidak akan menjejaskan sebarang klausa lain dalam Terma dan Syarat ini yang berkenaan dengan pendedahan data.

## PEMATUHAN FATCA

1. Anda perlu:-
   a) menyediakan semua dokumentasi atau maklumat yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, negara kewarganegaraan, negara-negara kediaman tetap, cukai di negara-negara kediaman dan nombor pengenalan pembayar cukai yang berkaitan, yang mungkin diperlukan untuk membolehkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan mematuhi semua keperluan FATCA atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan; dan
   b) memaklumkan kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan yang menjejaskan status cukai anda berhubung dengan FATCA di bawah sebarang undang-undang, peraturan atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan.

2. Anda mesti mematuhi Klausa 13.1 ini walaupun jika pematuhan sedemikian akan atau mungkin, pada pendapat munasabah anda, merupakan pelanggaran terhadap mana-mana kewajipan fidusiari atau kewajipan kerahsiaan kecuali jika berbuat demikian akan melanggar sebarang undang-undang atau peraturan.

3. Anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memberikan semua dokumentasi atau maklumat lain kepada kami sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh kami untuk mematuhi FATCA dan berhubung dengan perubahan dalam status cukai dan akan menyediakan semua dokumentasi atau maklumat lain yang diperlukan dalam tempoh tujuh (7) Hari dari permintaan kami secara bertulis atau sebaliknya.

4. Anda selanjutnya mengakui bahawa apa-apa kegagalan di pihak anda untuk memberikan maklumat yang tepat dan terkini menurut syarat dan permintaan kami boleh menyebabkan kami menganggap bahawa anda bersikap degil dan/atau boleh dilaporkan dan mengambil segala tindakan yang diperlukan terhadap anda dalam usaha kami untuk mematuhi syarat di bawah FATCA, undang-undang tempatan berhubung dengan FATCA dan mana-mana peruntukan lain yang timbul daripada perjanjian antara kerajaan berkaitan dengan FATCA.

5. Bagi peminjam individu, anda bersetuju dengan pengumpulan, penyimpanan, dan pendedahan apa-apa Data Peribadi oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan kepada individu-individu di mana kami atau mana-mana ahli Kumpulan menerima atau melakukan pembayaran bagi pihak anda dan kepada pihak berkuasa kerajaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Kebenaran anda akan berkuatkuasa tanpa mengira sebarang perjanjian tiada pendedahan yang digunakan. Anda mewakilkan bahawa anda telah memperolehi sebarang persetujuan atau penepian yang diperlukan daripada mana-mana pihak ketiga di mana maklumatnya telah diberikan kepada kami bagi membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan menjalankan tindakan seperti yang dinyatakan dalam klausa ini, dan bahawa anda akan memperolehi persetujuan dan penepian sedemikian terlebih dahulu sebelum memberikan maklumat yang sama kepada kami pada masa hadapan.



## RESTRICTED ##

6. Anda bersetuju dan mengakui bahawa kami berhak untuk mengambil segala tindakan yang diperlukan untuk mematuhi dan kekal mematuhi FATCA sebagaimana yang diperlukan oleh undang-undang atau perjanjian lain oleh atau antara kerajaan. Jika sebahagian daripada pendapatan anda boleh dilaporkan dan sebahagiannya tidak, kami akan melaporkan semua pendapatan kecuali kami dapat menentukan jumlah yang boleh dilaporkan dengan sewajarnya. Anda dengan ini membenarkan kami atau mana-mana ahli Kumpulan kami, di mana sesuai, untuk menahan atau, jika tidak, mengutip sebarang bayaran, sebarang cukai atau pentaksiran kerajaan lain yang diperlukan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apaapa syarat untuk menahan atau memotong jumlah di bawah Kod serta peraturan dan garis panduan lain yang dikeluarkan di bawah Kod, di mana setiap daripadanya dipinda dari semasa ke semasa atau manamana perjanjian lain dengan atau antara pihak berkuasa.

7. Ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyiasat dan memintas bayaran ke dalam dan ke luar daripada akaun anda (terutamanya dalam hal pemindahan dana antarabangsa), menyiasat sumber atau penerima yang dimaksudkan untuk dana, berkongsi maklumat dan dokumen dengan pihak berkuasa cukai tempatan dan antarabangsa dan menahan pendapatan daripada akaun anda dan memindahkannya kepada pihak berkuasa cukai tersebut. Jika kami tidak berpuas hati bahawa suatu pembayaran ke dalam atau ke luar daripada akaun anda adalah sah, kami boleh menolak untuk menguruskannya.

8. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan kecuali dan melainkan terdapat salah laku sengaja dan kecuaian melampau oleh kami, kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, kos, perbelanjaan, ganti rugi, liabiliti yang anda mungkin alami akibat daripada pematuhan kami kepada undang-undang, peraturan, perintah atau perjanjian dengan pihak berkuasa cukai atau oleh dan antara pihak berkuasa cukai.

9. Klausa ini akan mengatasi mana-mana terma atau persetujuan yang tidak konsisten yang diberikan oleh anda di bawah mana-mana perjanjian dengan kami setakat perjanjian sedemikian memperuntukkan hak yang berkurangan bagi kami, sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma dan Syarat ini. Klausa ini tidak akan menjejaskan sebarang klausa lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan permintaan untuk maklumat atau pendedahan data.

## TERMA DAN SYARAT LAIN

1. Kami tidak bertanggungjawab untuk memberikan Pinjaman jika, pada bila-bila masa sebelum Pinjaman diberi, Peristiwa Kemungkiran seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8.2 telah berlaku. Kami tidak bertanggungjawab untuk apa-apa yang berlaku akibat penarikan balik Pinjaman tersebut, dan anda bertanggungjawab untuk sebarang caj, cukai, duti dan levi yang dikenakan.

2. Liabiliti dan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan walaupun dengan adanya apa-apa perubahan yang disebabkan oleh kebankrapan anda, kematian atau sebaliknya.

3. Kewajipan kami untuk menyediakan dan terus menyediakan Pinjaman adalah tertakluk kepada yang berikut:-
    a) kecuali dibenarkan oleh garis panduan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, anda atau pasangan anda, ibu bapa anda atau manamana anak anda tidak diambil kerja oleh atau merupakan ahli Lembaga Pengarah mana-mana institusi kewangan dalam Kumpulan.
    b) Tiada Peristiwa Kemungkiran telah berlaku, masih berterusan, atau akan berlaku akibat kami melakukan sebarang pendahuluan atau terus menyediakan Pinjaman.
    c) Penggunaan atau penggunaan berterusan Pinjaman oleh anda tidak boleh melanggar sebarang undang-undang, peraturan, garis panduan atau pengawalan Malaysia termasuk yang dikeluarkan



## RESTRICTED ##

oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau Kumpulan.

d) Pinjaman ataupun pelaksanaan atau pematuhan mana-mana kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat tidak akan bertentangan dengan atau mengakibatkan pelanggaran sebarang undangundang, statut, peraturan, penghakiman, perintah, kontrak, perjanjian, surat ikatan amanah atau instrumen, pengaturan, kewajipan atau tanggungjawab lain yang anda tertakluk pada.

e) Anda tidak mengingkari sebarang perjanjian di mana anda merupakan seorang pihak.

f) Tidak ada sebarang tindakan undang-undang (sama ada sivil atau jenayah), timbang tara atau prosiding pentadbiran yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda.

g) Anda tidak mempunyai apa-apa penyiasatan oleh pihak polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang belum selesai, sedang berterusan atau akan dilaksanakan terhadap anda.

h) Semua maklumat yang anda berikan berhubung dengan permohonan Pinjaman anda mestilah benar dan lengkap. Anda tidak boleh menyembunyikan sebarang maklumat yang mungkin menyebabkan kami untuk tidak memberikan Pinjaman kepada anda.

i) Kami telah menjalankan usaha wajar “Kenali Pelanggan Anda” (KYC) ke atas anda dan berpuas hati dengan keputusannya.

j) Dokumentasi undang-undang mesti dilengkapkan dan semua syarat yang diperlukan oleh kami mesti telah dipenuhi pada kepuasan kami sebelum kami menyediakan Pinjaman atau manamana bahagian Pinjaman.

4. Kami boleh melakukan yang berikut pada bila-bila masa, tanpa menjejaskan liabiliti dan kewajipan di bawah Terma dan Syarat:-
   a) Menentukan, mengubah, menambah atau mengurangkan Pinjaman atau apa-apa kemudahan lain yang diberikan kepada anda;
   b) Memberikan kemudahan lain kepada anda;
   c) Memberikan anda masa dan kelonggaran;
   d) Berurusan dengan, menukar, melepaskan atau mengubah suai sebarang hak yang kami miliki pada bila-bila masa, daripada atau terhadap anda;
   e) Memasuki suatu surat ikatan komposisi dengan anda;
   f) Atas permintaan anda, menerima apa-apa pembayaran untuk sebarang wang yang terhutang atau akan perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini dalam jumlah ansuran yang meningkat atau dikurangkan sedemikian;
   g) Menyemak atau menukar mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada anda; atau
   h) Menggunakan apa-apa kaedah atau cara untuk mendapatkan balik wang yang perlu dibayar kepada kami sebagaimana yang kami anggap sesuai.
5. Kami boleh menyemak Pinjaman pada bila-bila masa, sama ada Peristiwa Kemungkiran telah berlaku atau tidak, dan mengenakan syarat lebih lanjut sebagaimana yang kami anggap sesuai. Kita tidak diwajibkan untuk memberikan atau terus memberikan Pinjaman kepada anda. Walau apa pun yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, Pinjaman dan semua faedah, kos dan fi ke atas Pinjaman perlu dibayar atas permintaan dengan memberikan notis terlebih dahulu.

6. Kami boleh, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan Pinjaman dan meminta pembayaran balik serta-merta jumlah Pinjaman dengan memberikan notis terlebih dahulu. Tidak ada apa-apa dalam Terma dan Syarat ini mewajibkan kami untuk memberikan atau terus memberikan Pinjaman kepada anda.

7. Atas permintaan kami, anda akan menandatangankan gadai janji, caj, penyerahan hak, pemindahan atau perjanjian yang memihak kami seperti yang kami mungkin perlukan ke atas semua atau mana-mana bahagian hartanah, aset atau perniagaan anda, dan manfaat semua lesen yang berkaitan, untuk menjamin semua wang dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar kepada kami di bawah Pinjaman. Gadai janji, caj, penyerahan hak, pemindahan atau perjanjian akan disediakan oleh kami pada kos anda, dan akan mengandungi terma dan syarat yang kami anggap sesuai.

## PERMOHONAN WANG

1. Jika sebarang wang yang dibayar kepada kami atau didapatkan kembali oleh kami berkenaan dengan liabiliti anda di bawah Pinjaman adalah kurang daripada jumlah yang terhutang kepada kami pada masa itu, kami boleh menggunakan wang tersebut untuk pembayaran faedah, fi, prinsipal, atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada kami mengikut perkadaran dan aturan sedemikian, dan secara amnya mengikut cara sedemikian yang kami anggap sesuai. Kami juga boleh memilih untuk mengkreditkan wang atau sebahagian daripada wang ke akaun gantung tanpa faedah, tanpa sebarang kewajipan untuk menggunakan wang atau mana-mana bahagian wang dalam atau terhadap penyelesaian liabiliti anda di bawah Pinjaman.

2. Tanpa mengira pembayaran wang sedemikian, jika anda tertakluk kepada kebangkrapan, ketakmampuan bayar atau prosiding yang sama, kami boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima dividen atau komposisi berkenaan dengan keseluruhan atau mana-mana bahagian wang sedemikian.

3. Selepas kami menerima baki terakhir tersebut sepenuhnya, apa-apa tuntutan dari pihak anda atas sebarang jumlah lebihan adalah suatu perkara penyelarasan antara kami dan anda dan/atau mana-mana individu lain yang menuntut jumlah lebihan tersebut.

## GANGGUAN PASARAN

1. Walau apa pun yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini atau peruntukan dalam Surat Kelulusan, jika pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, kami berpendapat bahawa terdapat apa-apa perubahan, sama ada dari segi tempatan atau antarabangsa, dalam keadaan monetari, kewangan, politik atau ekonomi, atau kadar pertukaran mata wang yang akan menjadikannya tidak praktikal atau sukar atau mustahil untuk kami memberikan atau terus memberikan Pinjaman, atau untuk membiarkan hutang di bawah Pinjaman kekal tertunggak mengikut syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini atau Surat Kelulusan, kami akan memaklumkan anda secara bertulis dengan sewajarnya. Jika pemberitahuan itu diberikan sebelum sebarang pembayaran, tiada pengeluaran akan dilakukan. Jika pemberitahuan tersebut diberikan selepas pembayaran sebahagian, kami boleh membincangkan pengaturan lain, jika tidak: -
    - i. Pinjaman akan dibatalkan;
    - ii. anda perlu membayar balik semua wang dan faedah yang terhutang kepada kami pada masa itu di bawah Pinjaman dan sebarang wang lain yang terhutang kepada kami pada masa itu oleh anda; dan
    - iii. tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan akan berakhir.

## KOS DAN PERBELANJAAN

1. Anda perlu membayar semua kos dan perbelanjaan (termasuk perbelanjaan guaman) bagi:-
    - i. menyediakan, mewujudkan, mengekalkan, melindungi, mengekalkan, menguatkuasakan dan melaksanakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan;
    - ii. memproses, melaksanakan dan mendapatkan balik wang yang terhutang di bawah Pinjaman; dan
    - iii. Bank membela, mendakwa atau sebaliknya dalam cara apa sekalipun mengambil bahagian atau menghadiri (sama ada menjalankan arahan memerhati sebagai pemerhati atau sebaliknya dalam cara apa sekalipun) apa-apa tindakan, siasatan, perbicaraan, tuntutan atau apa-apa prosiding lain yang mempengaruhi, berkaitan dengan atau berhubung dengan Pinjaman.

2. Kos dan perbelanjaan perlu dibayar atas dasar indemniti penuh.

3. Faedah pada kadar yang akan ditetapkan oleh kami perlu dibayar untuk kos dan perbelanjaan dari tarikh ia ditanggung sehingga pembayaran penuh.



## RESTRICTED ##

4. Jika sebarang Pinjaman dibatalkan atas apa-apa alasan yang bukan disebabkan oleh kami sebelum mana-mana bahagian daripadanya telah digunakan, anda masih perlu membayar semua kos dan perbelanjaan yang mungkin telah ditanggung berhubung dengan penyediaan Pinjaman.

## HAK UNTUK MENDEBIT

1. Tanpa menjejaskan sebarang hak lain yang kami mungkin miliki, kami boleh, pada bila-bila masa, dengan pemberian notis, mendebitkan akaun semasa anda atau mana-mana akaun lain (termasuk baki dalam mana-mana akaun overdraf) yang anda mungkin kekalkan dengan kami dengan apa-apa wang sekalipun yang perlu dibayar oleh anda kepada kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada semua fi, caj, kos, perbelanjaan, pembayaran, cukai, duti atau levi.

2. Jika kami mendebit daripada Akaun anda, pendebitan tersebut tidak akan dianggap sebagai penepian kepada mana-mana Peristiwa Kemungkiran.

3. Jika apa-apa pendebitan daripada akaun anda menyebabkan akaun anda terlebih keluar, faedah pada kadar kemungkiran perlu dibayar sewajarnya.

## HAK TOLAK SELESAI DAN PENGGABUNGAN

1. Kami berhak untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun dan liabiliti anda dengan kami, sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain.

2. Kami juga berhak, selepas memberikan anda notis tujuh (7) hari, untuk tolak selesai atau memindah sebarang jumlah tertunggak dalam kredit untuk mana-mana akaun sedemikian untuk atau terhadap penyelesaian apa-apa liabiliti anda kepada kami, sama ada liabiliti tersebut adalah sebenar atau luar jangka, utama atau kolateral, dan berasingan atau bersama.

3. Jika mana-mana liabiliti anda adalah luar jangka, kami berhak untuk tolak selesai atau memindah sebarang jumlah tertunggak dalam kredit untuk mana-mana akaun anda bagi memenuhi liabiliti luar jangka anda. Jika liabiliti sebenar anda adalah kurang daripada jumlah tolak selesai kami, kami akan mengembalikan lebihan tersebut kepada anda.

4. Jika mana-mana akaun anda dalam kredit dikekalkan dalam mata wang selain mata wang liabiliti, kami mungkin menukarnya ke mata wang liabiliti pada kadar semasa kami.

5. Selepas pengeluaran notis yang dinyatakan dalam Klausa 19.1 di atas, anda bersetuju bahawa kami berhak untuk menguntukkan atau menahan sebarang wang tertunggak dalam kredit bagi semua atau mana-mana akaun anda dengan kami, sebelum tolak selesai dan anda tidak boleh mengeluarkan wang tersebut tanpa persetujuan bertulis kami terlebih dahulu.

## PENGELAKAN PEMBAYARAN

Sebarang jaminan, sekuriti atau pembayaran yang mungkin dibatalkan atau diketepikan di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan penggulungan atau ketakmampuan bayar dan sebarang pembebasan, penyelesaian atau pelepasan yang diberi atau dilakukan oleh kami berdasar pada keyakinan sebarang jaminan, sekuriti atau pembayaran sedemikian tidak akan memudaratkan atau menjejaskan hak kami untuk mendapat balik wang yang dijamin daripada anda pada tahap penuh di bawah Terma dan Syarat ini seolaholahnya jaminan, sekuriti atau pembayaran tersebut belum diterima dan seolah-olahnya pembebasan, penyelesaian atau pelepasan sedemikian tidak diberikan. Sebarang pembebasan, penyelesaian atau pelepasan sedemikian akan dianggap telah dilakukan tertakluk kepada syarat bahawa ia akan menjadi tidak sah jika apa-apa bayaran atau sekuriti yang kami mungkin telah terima sebelum ini atau diterima selepas ini daripada mana-mana individu berhubung dengan wang yang anda bersetuju untuk membayar atau



## RESTRICTED ##

membayar balik telah diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang yang digunakan atau dibuktikan tidak sah untuk apa-apa sebab.

## PERKHIDMATAN PROSES UNDANG-UNDANG

Sebagai tambahan kepada dan bukan penggantian untuk apa-apa cara perkhidmatan yang mungkin dibenarkan atau ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa ini, sebarang perkhidmatan Proses Undang-undang oleh atau bagi pihak kami dapat dilaksanakan ke atas anda:

a) dengan meninggalkan satu salinan di alamat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau Surat Kelulusan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan ia akan dianggap telah diterima oleh anda dengan sewajarnya pada hari ia ditinggalkan di alamat tersebut; atau
b) dengan menghantar satu salinan melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa ke alamat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau Surat Kelulusan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan ia akan dianggap telah diterima oleh anda dengan sewajarnya pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar.

## HAK BANK UNTUK MELAKUKAN PINDAAN DAN PEMBALIKAN

1. Kami berhak untuk menyesuaikan kemasukan dalam rekod kami jika terdapat sebarang kesilapan atau penyertaan yang tertinggal.

2. Pembalikan: Kami berhak untuk menyesuaikan, membalikkan, membatalkan atau mendebitkan Akaun yang Dinamakan pada bila-bila masa jika:-
   a) kami perlu membetulkan sebarang kesilapan atau peninggalan;
   b) kami perlu memulangkan dana kepada pembayar atau penyuruh bayar;
   c) kami belum menerima dana yang dijelaskan atau tanpa syarat dengan sepenuhnya atau tepat pada masanya.

   Mana-mana penyata akaun, makluman debit atau kemasukan yang dibetulkan sedemikian akan mengikat anda.

## INDEMNITI

1. Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan kuasa, hak atau remedi yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini, dan setakat yang dibenarkan undang-undang, dan melainkan dan kecuali disebabkan oleh salah laku sengaja atau kecuaian melampau kami, anda akan melindungi kami daripada sebarang kos atau perbelanjaan (termasuk perbelanjaan guaman atas dasar peguam cara dan pelanggan) yang kami mengalami atau menanggung akibat:-
   a) pembatalan atau kegagalan anda untuk mengeluarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Pinjaman;
   b) apa-apa bayaran pendahuluan Pinjaman;
   c) apa-apa kemungkiran dalam pembayaran oleh anda untuk sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Surat Kelulusan atau Terma dan Syarat ini termasuk sebarang faedah atau fi yang dibayar atau perlu bagi tujuan, atau berkenaan dengan, sebarang wang yang dipinjam atau deposit daripada pihak ketiga untuk mengekalkan jumlah yang kemungkiran, atau mencairkan atau menggunakan semula dana atau deposit sedemikian;
   d) berlakunya apa-apa Peristiwa kemungkiran;
   e) apa-apa permintaan, tuntutan, tindakan dan/atau prosiding berhubung dengan atau yang timbul daripada Pinjaman; atau
   f) sebarang undang-undang percukaian atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.



## RESTRICTED ##

2. Pengesahan kami untuk jumlah kerugian atau perbelanjaan tersebut adalah muktamad dan akan mengikat anda melainkan terdapat sebarang kesilapan yang nyata.

## KEADAAN DI LUAR KAWALAN KAM

1. Jika kami tidak dapat menjalankan atau melaksanakan apa-apa perkara di bawah disebabkan oleh keadaan di luar kawalan kami seperti yang dinyatakan dalam Klausa 24.2, kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun atas kegagalan pelaksanaan tersebut atau atas sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan atau ganti rugi yang mungkin dialami oleh anda secara langsung atau tidak langsung akibat:-
   a) melaksanakan sebarang kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat ini atau Surat Kelulusan;
   b) menjalankan mana-mana operasi perniagaan biasa kami;
   c) menyediakan sebarang perkhidmatan.

2. Peristiwa di luar kawalan kami adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
   a) apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, epidemik, malapetaka semula jadi, kemalangan, kerusuhan, kekacauan awam, pertikaian industri, tindakan keganasan, embargo, peperangan atau bencana alam;
   b) apa-apa kegagalan, pemberhentian atau gangguan:-
      i. sebarang perkhidmatan telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air, bekalan bahan api; atau
      ii. perkhidmatan menggunakan sumber luar yang diserahkan oleh kami kepada pembekal perkhidmatan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia atas apa-apa sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada pincang tugas perkakasan dan/atau perisian atau kegagalan sistem akibat serangan virus, penggodaman dan lain-lain; atau
   c) apa-apa keadaan dalam bentuk *force majeure*, iaitu sesuatu peristiwa tidak diduga yang menghalang kami daripada melaksanakan sebarang kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat ini atau Surat Kelulusan.

## PENINGKATAN KOS

Jika kami menentukan bahawa, akibat daripada sebarang undang-undang, garis panduan, arahan atau peraturan baru, atau akibat daripada apa-apa perubahan kepada sebarang undang-undang, garis panduan, arahan atau peraturan sedia ada: -

a) kami akan menanggung peningkatan kos dalam memberikan atau terus memberikan Pinjaman tersebut kepada anda dan dengan meneruskan pelaksanaan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan;
b) kami akan mengalami apa-apa pengurangan dalam kadar pulangan ke atas modal keseluruhan kami melalui cara di mana sumber modal kami diperuntukkan kepada Pinjaman;
c) sebarang jumlah wang yang diterima atau boleh diterima oleh kami di bawah Terma dan Syarat ini dan Kelulusan Surat telah dikurangkan;
d) terdapat peningkatan dalam kos untuk membiayai atau mengekalkan Pinjaman; atau
e) kami perlu melakukan sebarang pembayaran atau mengabaikan sebarang faedah atau pulangan lain ke atau atau dikira dengan merujuk kepada jumlah untuk apa-apa jumlah yang diterima atau boleh diterima oleh kami di bawah Pinjaman, Terma dan Syarat ini atau Surat Kelulusan;

anda mesti ganti rugi kami daripada peningkatan kos tersebut serta jumlah lain yang dinyatakan di atas. Anda perlu melakukan pembayaran jumlah yang mencukupi kepada kami apabila diminta oleh kami dari semasa ke semasa, untuk melindungi kami.

## KEPENYALAHAN UNDANG-UNDANG

Jika kami menganggap bahawa akibat daripada sebarang undang-undang, peraturan atau keperluan kawal selia yang telah diubah, ditafsirkan atau digunakan secara berbeza oleh mana-mana kerajaan atau pihak



## RESTRICTED ##

berkuasa lain yang berkenaan selepas tarikh Surat Kelulusan menjadi tidak sah atau tidak praktikal untuk kami mematuhi kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat ini atau Surat Kelulusan, atau untuk terus menyediakan Pinjaman yang diberikan kepada anda, atau untuk mengenakan bayaran atau untuk menerima faedah pada kadar yang digunakan, kami akan memaklumkan anda, dan berikutan pemakluman tersebut: -

i. Pinjaman dan kewajipan kami di bawah Pinjaman akan digantung dengan serta-merta dan kami tidak mempunyai apa-apa kewajipan selanjutnya di bawah Pinjaman, yang akan dianggap telah dibatalkan; dan
ii. anda mesti membayar dahulu Pinjaman kepada kami bersama dengan faedah terakru dan semua jumlah lain yang perlu dibayar kepada kami pada tarikh yang dianggap perlu oleh kami bagi mematuhi undang-undang yang berkenaan.

## PENEPIAN

Kegagalan untuk melaksanakan, atau kelewatan dalam melaksanakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi oleh kami tidak akan dianggap sebagai penepian, dan juga bukan pelaksanaan satu atau sebahagian daripada sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi lain. Hak dan remedi yang disediakan dalam Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif terhadap sebarang hak atau remedi yang disediakan oleh undang-undang.

## SIJIL

Sebarang sijil atau penyata yang dikeluarkan oleh kami menunjukkan jumlah tertunggak yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada kami berhubung dengan Pinjaman akan merupakan bukti muktamad jumlah tertunggak yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada kami berhubung dengan Pinjaman sekiranya tiada kesalahan yang nyata. Sijil atau penyata ini akan mengikat anda untuk semua tujuan termasuk untuk tujuan prosiding undang-undang.

## PINDAAN

Terma dan Syarat ini serta ketersediaan, had, kadar faedah, fi dan caj Pinjaman adalah tertakluk kepada:-

a) garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami; dan
b) semakan dan pindaan kami dari semasa ke semasa seperti yang diperlukan.

Sekiranya berlaku apa-apa perubahan atau pindaan, kami akan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu sebelum perubahan tersebut berkuat kuasa.

## KEBOLEHASINGAN

Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut akan dianggap sebagai telah dikeluarkan daripada Terma dan Syarat ini atau Surat Kelulusan. Namun demikian, Terma dan Syarat yang lain atau terma dalam Surat Kelulusan akan terus berkuatkuasa dan tidak terjejas dalam apa-apa cara sekalipun oleh terma yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

## PENYERAHAN HAK

Anda tidak boleh menyerahkan hak atau memindahkan semua atau sebahagian daripada hak atau kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan.

Kami boleh pada bila-bila masa menyerahkan mana-mana atau semua hak, kepentingan dan kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan dan/atau memindahkan manfaat Terma dan Syarat dan Surat Kelulusan kepada mana-mana individu atau syarikat. Berikutan penyerahan hak atau pemindahan sedemikian:-



## RESTRICTED ##

i. kos dan perbelanjaan kami, pemegang serah hak atau penerima pindahan akan dibayar oleh anda;
ii. pemegang serah hak atau penerima pindahan akan mengambil alih dan berhak atas hak, kepentingan, dan kewajiban kami di bawah Terma dan Syarat ini dan Surat Persetujuan seolaholah pemegang serah hak atau penerima pindahan adalah pihak kepada Terma dan Syarat ini dan Surat Persetujuan menggantikan kami; dan

sebarang kenyataan di dalam Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan mengenai jumlah yang perlu dibayar kepada kami di bawah atau menurut Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan, jika tidak ada kesalahan yang nyata, adalah muktamad dan mengikat anda untuk semua tujuan.

## PENYIMPANAN REKOD ANDA

Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod berkenaan Pinjaman, termasuk tetapi tidak terhad kepada Borang Permohonan, Penyata Akaun, Surat Kelulusan, surat-menyurat atau dokumen berhubung dengan Pinjaman, melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan/atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang yang digunakan atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

## UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR

Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan anda tanpa syarat dan secara muktamad –

a) menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia; dan
b) mengetepikan sebarang bantahan pada alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa, atau apa-apa alasan yang bersamaan.

## PERLINDUNGAN HAK DAN KELAYAKAN

Tanpa mengira apa yang dinyatakan di bahagian lain Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan kami seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan Surat Kelulusan akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan dikekalkan walaupun dengan sebarang pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Pinjaman oleh kami.

## PENGIKATAN PENGGANTI

Terma dan Syarat ini akan mengikatkan wakil peribadi dan pengganti hak milik anda, serta pengganti hak milik dan pemegang serah hak kami.

## DEFINISI DAN TAFSIRAN

1. “Undang-undang yang Digunakan” bermakna semua statut, undang-undang, peraturan, pengawalan, garis panduan, arahan dan pekeliling yang berkaitan atau berkenaan (sama ada yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah, tribunal, badan kerajaan atau pihak berkuasa atau organisasi kawal selia sendiri yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana individu lain dalam Kumpulan).

2. “Borang Permohonan” bermakna borang permohonan yang disediakan oleh kami untuk menghantar permohonan Pinjaman.

3. “Surat Kelulusan” bermakna surat yang dikeluarkan oleh kami kepada anda meluluskan permohonan anda untuk Pinjaman.

4. “Kod” bermakna Kod Hasil Dalam Negeri 1986 yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat.
5. “Peristiwa Kemungkiran” bermakna mana-mana peristiwa atau perkara yang dinyatakan dalam Klausa



## RESTRICTED ##

8.2.

6. "FATCA" bermakna:-
   a) Kod atau sebarang peraturan yang berkaitan atau panduan rasmi yang lain;
   b) sebarang perjanjian, undang-undang atau peraturan mana-mana bidang kuasa lain, atau berkaitan dengan perjanjian antara kerajaan antara Amerika Syarikat dan mana-mana bidang kuasa lain, yang (dalam mana-mana kes) memudahkan pelaksanaan sebarang undang-undang atau peraturan yang dinyatakan dalam perenggan (a) di atas; dan
   c) sebarang perjanjian menurut pelaksanaan apa-apa pemutusan, undang-undang atau peraturan yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) di atas dengan Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri AS, kerajaan Amerika Syarikat atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pencukaian dalam mana-mana bidang kuasa lain.

7. "Kumpulan" bermakna cawangan, agensi, pejabat wakil, syarikat gabungan, bersekutu atau berkaitan kami, serta pegawai, kakitangan atau agen mereka, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia, dan juga termasuk kami.

8. "Proses Undang-undang" mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang proses pemula termasuk writ saman dan saman pemula serta apa-apa bentuk proses pemula, rayuan, permohonan interlokutori, afidavit, perintah, penghakiman dan apa-apa dokumen lain yang perlu disampaikan di bawah sebarang undang-undang bertulis dan notis sedemikian di bawah Akta Insolvensi 1967.

9. "Akaun yang Dinamakan" bermakna akaun anda yang dinyatakan dalam Borang Permohonan untuk tujuan mengkreditkan Pinjaman atau mana-mana bahagian daripadanya.

10. "Data Peribadi" mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran perhubungan, maklumat yang diperoleh daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej di Televisyen Litar Tertutup (*Closed Circuit Television* atau CCTV)), maklumat yang terkandung dalam akaun anda dengan kami secara bersendirian atau bersama dengan individu lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami serta data lain sedemikian yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.

11. "Notis Privasi" bermakna notis privasi didapati di dalam dan yang ditakrifkan dalam laman web kami.

12. "Sekatan" bermakna sekatan, embargo atau langkah-langkah terbatas yang ditadbir, digubal atau dikuatkuasakan oleh mana-mana kerajaan, institusi atau agensi kerajaan, pengawal selia atau pihak berkuasa.

13. "Penyata Akaun" bermakna yang berikut:-
   a) notis awal mengenai ansuran perlu dibayar yang kami akan keluarkan kepada anda setiap bulan, menunjukkan jumlah yang perlu dibayar oleh anda untuk Pinjaman pada atau sebelum tarikh akhir yang dinyatakan dalam notis awal tersebut; dan
   b) penyata yang akan kami keluarkan kepada anda setiap tahun, menunjukkan jumlah baki tertunggak di bawah Pinjaman, pembayaran yang dilakukan oleh anda untuk menjelaskan Pinjaman dan sebarang faedah, fi dan caj yang perlu dibayar oleh anda kepada kami.

14. "Subjek Data Pihak Ketiga" bermakna seorang individu di mana Data Peribadi beliau telah diberikan kepada kami dan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada penerima mandat, waris, tanggungan, penjamin individu, dan pembekal keselamatan.

15. "AS" bermakna Amerika Syarikat.



## RESTRICTED ##

16. “Kami” merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd [No. Syarikat 199301017069 (271809-K)].

17. “Anda” merujuk kepada pemohon Pinjaman dalam Borang Permohonan.



## RESTRICTED ##